

MUTIARA BERITA



PERSEKUTUAN PERKUMPULAN WANITA SARAWAK
SARAWAK FEDERATION OF WOMEN'S INSTITUTES

Bil. 145 JANUARI-DISEMBER 2024



Hak cipta terpelihara. Majalah ini atau sebarang bahagian daripadanya tidak boleh dikeluarkan atau digunakan dalam apa-apa cara sama sekali tanpa kebenaran bertulis yang jelas dari penerbit kecuali untuk penggunaan petikan ringkas dalam ulasan buku.

Sebarang ubahsuai dan suntingan perlulah berhubung dengan pihak Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) di emel berikut: ibupejabatppws@gmail.com

Diterbitkan oleh:
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)

Ibu Pejabat PPWS
Tingkat 1, Sublot 1, Lot 68-71
Jalan Green, 93150 Kuching
Sarawak
No. Tel: 082-244015
Laman Web: www.ppws.org.my

Majalah Mutiara Berita diterbitkan secara tahunan.

Dicetak oleh:
Lee Ming Press Sdn. Bhd.
Lot 2050, Jalan Swasta Pending Industrial Estate
93450 Kuching, Sarawak, Malaysia

Isi Kandungan

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Perutusan Ketua Editor	3
Perutusan Pengurus Negeri PPWS	4
Buletin Ibu Pejabat PPWS	5 - 21
Buletin PPWS Cawangan Kuching/Samarahan	22 - 30
Buletin PPWS Cawangan Sri Aman	31 - 39
Buletin PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit	40 - 47
Buletin PPWS Cawangan Miri/Bintulu	48 - 53
Buletin PPWS Cawangan Limbang/Lawas	54 - 63
Sekalung Tahniah	64

Perutusan KETUA EDITOR



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Edisi kali ini menjanjikan banyak informasi bermanfaat, perkembangan terkini, dan cerita inspiratif daripada semua ahli di seluruh Sarawak bersesuaian slogan PPWS iaitu Bijak, Cekap, Bermaklumat. Buletin ini juga memberikan liputan menyeluruh mengenai aktiviti terkini yang dijalankan oleh PPWS daripada bengkel peningkatan diri hingga ke program bercorak komuniti.

Semoga Mutiara Berita ini memberi dorongan kepada semua ahli untuk menganjur lebih banyak lagi program dan turut serta dalam aktiviti yang dijalankan oleh PPWS. Sidang redaksi buletin juga mengalu-alukan sumbangan, idea, dan sokongan daripada semua ahli. Jika anda mempunyai artikel, cerita kejayaan, atau cadangan untuk dimuatkan pada edisi yang akan datang. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan buletin ini. Semoga Mutiara Berita ini menjadi sumber inspirasi dan maklumat yang bermanfaat bagi semua ahli PPWS.

Sekian, terima kasih.

Dr Azlina Bujang (UiTM)
Ketua Editor
Buletin Mutiara PPWS

SIDANG REDAKSI BULETIN

KETUA EDITOR:

Dr Azlina Bujang

PENULIS:

Dr Azlina Bujang
Rhohanniza Amika
Siti Aishah Rohibah
Dyg Noor Ruzaliny Awg Jamain
Maimunah Yusuf
Sofiani Usop
Nurul Izza Hanis
Mohammad Dol Sulaiman

PEREKA GRAFIK:

Izwan Fazlizan Fauzi



Perutusan

PENGERUSI NEGERI PPWS

Edisi 144 (Januari - Disember 2024)



Assalammualaikum w.b.t,
Salam Sejahtera dan Salam
PPWS.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya Mutiara Berita PPWS Edisi 144 pada tahun ini dapat diterbitkan. Tidak terasa kita sudah berada di penghujung tahun 2023. Mutiara Berita PPWS pada

kali ini diberi nafas baru dan semoga ahli-ahli PPWS mendapat manfaat daripada bahan berita yang disampaikan.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi kepercayaan kepada saya menggalas jawatan Pengerusi Negeri PPWS untuk kali ke-2 bagi sesi 2023-2024 kali ini. Sebelum ini, saya telah diberi tanggungjawab ini dalam PPWS pada sesi 2012-2015.

Saya berharap ahli-ahli PPWS di seluruh Sarawak dapat bekerjasama dengan saya untuk sama-sama meningkatkan pencapaian PPWS di peringkat Negeri dan Kebangsaan, maupun antarabangsa.

Sempena pelbagai aktiviti yang berjaya dijalankan oleh PPWS, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua ahli dan penyokong yang telah memberikan sokongan mereka secara aktif. Kejayaan ini tidak hanya mencerminkan kekuatan dan kesatuan kita sebagai persatuan, tetapi juga memberi inspirasi kepada semua wanita untuk terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Melalui penglibatan dalam NGO seperti PPWS, semangat perpaduan, persefahaman dan persahabatan antara ahli-ahli dapat diterapkan. Penting juga, semangat kerjasama dan nilai toleransi diterapkan dalam diri kita dalam berpersatuan. Seperti contoh, kerjasama dan toleransi antara ahli-ahli dengan Pengelola Cawangan serta Jawatankuasa PPWS di semua peringkat perlu ada agar aktiviti yang dirancang dilaksanakan dengan jayanya dari mula sehingga akhir.

Ahli-ahli PPWS yang saya hormati sekalian,

Bermula tahun hadapan (2024), Ibu Pejabat PPWS mengambil inisiatif untuk mengadakan Kursus Pengurusan PPWS sempena Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS 2024 Peringkat Cawangan bagi memantapkan lagi kefahaman ahli-ahli terutama

Jawatankuasa PPWS dalam pengurusan PPWS secara keseluruhannya meliputi keahlian, kepimpinan, kewangan dan aset. Kursus pengurusan ini penting kerana dengan adanya penganjuran kursus ini dapat membekalkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh Jawatankuasa PPWS untuk mengurus organisasi PPWS dengan lebih efektif dan berkesan bermula dari peringkat akar umbi iaitu di peringkat Perkumpulan, kemudian peringkat Daerah dan seterusnya peringkat Cawangan.

Selain itu, Ceramah Kepimpinan dan Integriti Dalam Pertubuhan Sukarela juga diselitkan dalam kursus ini.

Sebagai Pengerusi, saya ingin mengingatkan kita semua tentang tanggungjawab besar yang dipikul dalam Persatuan ini. Kita memiliki peranan yang penting dalam membina masyarakat yang adil dan saksama, di mana setiap wanita dapat berkembang dengan sepenuhnya. Pada masa yang sama, kita perlu menambahkan keahlian dan melibatkan golongan belia dalam aktiviti dan program kita. Secara tidak langsung, kita dapat mencungkil bakat dan mengenalpasti pemimpin muda masa depan untuk mengerakkan persatuan kita ke hadapan.

Saya ingin mengajak setiap ahli untuk bersatu padu dan memberikan sumbangan idea dan tenaga untuk mencapai matlamat kita. Setiap suara dan usaha kita adalah penting. Hanya dengan bekerjasama kita dapat mencapai perubahan yang diinginkan.

Dengan rendah hati, saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua ahli PPWS atas sokongan dan kerjasama yang berterusan. Semoga kita bersama-sama dalam usaha untuk memperkasa peranan wanita dalam masyarakat.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Kerja di Peringkat Perkumpulan, Daerah, Cawangan maupun Induk serta ahli-ahlinya yang telah berjaya menyertai dan memainkan peranan masing-masing dalam membangunkan PPWS.

Sekian, terima kasih.

HAJAH AISAH EDRIS

Pengerusi Negeri,
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)
Sesi 2023-2024

Program Lawatan SFWI Care and Share ke Wad Materniti Bersalin

16 Januari 2024

Hospital Umum Sarawak, Kuching

PPWS mengadakan lawatan SFWI Care and Share ke Wad Materniti Bersalin, Hospital Umum Sarawak dan memberi sumbangan hadiah kepada lima puluh (50) orang ibu bersalin dan bayi yang baru lahir. Kunjungan ini diketuai oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS dan turut hadir ialah Puan Norjanah Razali, Pengurus JKK Sosial dan Rekreasi.

Setiap tahun, PPWS akan mengadakan program pemberian sumbangan melalui Tabung SFWI Care and Share sejak dilancarkan pada tahun 2016 oleh Penaung PPWS, YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Raghad Kurdi Taib.



Para petugas hospital turut membantu pasukan SFWI Care and Share mengagihkan sumbangan barang



Pengerusi Negeri PPWS menyampaikan sumbangan barang kepada ibu yang baru bersalin

Sesi Libat Urus Bersama Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS)

27 Januari 2024

Wisma Wanita, Samariang

PPWS menghadiri Sesi Libat Urus Bersama Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS). Taklimat berkenaan bidang program JWKS dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) turut diadakan selain sesi dialog bersama NGO Wanita Sarawak. Selain itu, PERKESO juga dijemput untuk menerangkan kategori perlindungan yang ada di PERKESO.



Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS (tiga dari kiri) dan Puan Norjanah Razali, Naib Pengerusi Negeri PPWS (dua dari kiri) bersama Puan Salemah Jobli, Pengarah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (enam dari kiri)

Lawatan Ibu Pejabat PPWS Ke Perkumpulan Kampung Pangkat, Sri Aman 16 Februari 2024 Sri Aman, Sarawak



↑ Puan Hajah Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS sedang menandatangani buku pelawat sambil diperhatikan oleh Puan Hajah Masnah Ramli, Exco PPWS Cawangan Sri Aman



↑ Rombongan dari Ibu Pejabat PPWS, Kuching ke Perkumpulan Kampung Pangkat, Sri Aman



↑ Amanat dari Puan Norjanah Razali, Timbalan Pengurus Negeri PPWS kepada ahli-ahli Perkumpulan Kampung Pangkat, Sri Aman



↑ Demonstrasi Membuat Kuih Penyaram oleh salah seorang ahli Perkumpulan Kampung Pangkat

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 8 Mac 2024 Dewan Kenyalang, Wisma PERKESO

PPWS bersama HRD Corp meraikan Hari Wanita Antarabangsa dengan penganjuran Program WoW: Women of Worth. Tujuan program diadakan untuk memberi penghormatan kepada wanita sebagai pemangkin kecemerlangan negara, sejajar dengan aspirasi Malaysia Madani. Semua yang hadir memakai pakaian bertemakan warna ungu. Ceramah kesihatan turut diadakan bertajuk Kesedaran Kesihatan Mental Dalam Kalangan Wanita. Selain itu, taklimat berkenaan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan perkongsian MYFutureJobs turut diadakan.



↑ Ceramah Berkaitan Kesedaran Kesihatan Mental Dalam Kalangan Wanita



↑ Para peserta yang hadir memakai tema pakaian warna ungu

Kunjungan Kepada Pengusaha Wanita Negara Brunei Darussalam 28 April 2024

Program kunjungan kepada Pengusaha Wanita Negara Brunei Darussalam. Kunjungan diketuai oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengurus Negeri PPWS. Tujuan kunjungan ialah untuk berkenalan dan beramah mesra selain menjalinkan kerjasama bagi mengadakan program bermanfaat di masa akan datang.



↑ Jamuan makan malam dengan Pengusaha Wanita Negara Brunei Darussalam

Kunjungan Hormat Jawatankuasa Induk PPWS Kepada Penaung PPWS 2 Mei 2024 Astana Negeri Sarawak, Kuching

Kunjungan Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi, Penaung PPWS telah diadakan bagi menjemput Yang Amat Berbahagia Toh Puan hadir ke Majlis Jamuan Teh sempena Hari PPWS yang akan disambut pada 5 Mei 2024. Rombongan Jawatankuasa Induk PPWS Sesi 2023-2024 telah diketuai oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengurus Negeri PPWS.



↑ Pengurus Negeri PPWS menyampaikan Buku Sejarah PPWS 60 Tahun kepada Penaung PPWS (Dari Kiri: Hajah Rhohanniza Amika, Hajah Jamilah Matasan, Hajah Aishah Edris, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi, Puan Norjanah Razali, Dr Azlina Bujang, Hajah Hamimah Hasbullah)



↑ Rombongan PPWS berada di luar bangunan Astana Negeri Sarawak

Majlis Jamuan Teh Sempena Hari PPWS 2024 5 Mei 2024 Dewan Mahligai, Kuching

Setiap tahun, PPWS tidak akan ketinggalan meraikan Hari PPWS. Kali ini, Hari PPWS dianjurkan oleh Ibu Pejabat PPWS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi PPWS. Pada 5 Mei 2024, genaplah 62 tahun usia Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak. Jasa dan sumbangan PPWS dalam memartabatkan wanita Sarawak amatlah besar. PPWS turut berbesar hati menerima kehadiran Tetamu Kehormat iaitu Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi, Penaung PPWS. Majlis telah dihadiri oleh seramai 250 orang ahli-ahli PPWS dari seluruh Sarawak dan wakil dari rakan strategik PPWS.

SELAMAT MENYAMBUT HARI PPWS 2024!



Ketibaan Tetamu Kehormat, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi disambut oleh ahli-ahli PPWS



Penaung PPWS bersama para tetamu di Majlis Jamuan Teh



8 orang wakil PPWS yang menyertai pertandingan boling

Pertandingan Persahabatan Boling 20 Mei 2024 E-Mart Batu Kawa, Kuching

PPWS menghantar wakil ahli dari PPWS Daerah Kuching untuk mengikuti Pertandingan Persahabatan Boling anjuran Social Welfare Council of Sarawak (SWCS). PPWS merupakan Ahli Bersekutu kepada SWCS sejak tahun 2019.

Program PPWS Dengan Kerjasama Startup Malaysia

Bengkel Pemasaran Atas Talian
25 Mei 2024
Bangunan PPWS Sri Aman



Bengkel Penjenamaan Media Sosial
19 Mei 2024
Bangunan PPWS Miri



Penjenamaan Media Sosial

19 Mai 2024, Miri
10:00 am - 12:00 pm
PPWS Miri Office
Sertai dengan PERCUMA dan
kesempatan menang hadiah digital.

GROW DIGITAL

ABILINA AHMAD
Penaung PPWS & President GROW DIGITAL

www.growdigital.org.my

Bengkel Asas Pemasaran Dalam Talian
19 Mei 2024
Bangunan PPWS Limbang



Asas Pemasaran Dalam Talian

19 Mai 2024, Miri
10:00 am - 12:00 pm
PPWS Limbang Office
Sertai dengan PERCUMA dan
kesempatan menang hadiah digital.

GROW DIGITAL

EDDIE KAWI
President GROW Digital & President PPWS Limbang

www.growdigital.org.my

Program PPWS Dengan Kerjasama HRDCorp melalui National Training Week 2024

Bengkel Pengucapan Awam Berkesan
28 Mei 2024
Bangunan PPWS Limbang


WE ARE PROUD
TO PARTNER WITH
NTW
NATIONAL TRAINING WEEK
Experience a multitude of FREE courses designed specifically to suit your needs.
REGISTER NOW!
24 - 30 June 2024 — www.nationaltrainingweek.gov.my



Kelas Membuat Kek Hari Jadi
23 Mei 2024
Bangunan Ibu Pejabat PPWS, Kuching



Kelas MEMBUAT KEK HARI JADI
Anjuran
23 Mei 2024 (Selasa) 9 PAGI - 1 PETANG
Batu Melati, Area Bawah, Dus Pendek, Jalan Green, Kuching
Contact Number: 082-244016

Pertandingan Masakan Makanan Melanau 15 Julai 2024 Mukah, Sarawak

Pertandingan Masakan Makanan Melanau telah diadakan di mana program ini merupakan program kolaborasi antara UiTM Kampus Mukah bersama PPWS Daerah Mukah.

YB Encik Royston bin Valentine, ADUN N.57 Tellian turut hadir merasmikan program ini. Resipi-resipi masakan hasil daripada pertandingan ini akan dibukukan.



↑ Jawatankuasa Pengelola Program bersama peserta pertandingan masakan

Lawatan Penanda Aras PPWS Cawangan Limbang / Lawas ke Ibu Pejabat PPWS 27 Julai 2024 Kuching, Sarawak

Lawatan Penanda Aras PPWS Cawangan Limbang/Lawas ke Ibu Pejabat PPWS, Kuching telah diadakan pada pagi ini tadi. Seramai 30 orang ahli dari Limbang dan Lawas hadir setelah melengkapkan jelajah mereka ke Bintulu, Sarikei, Bau dan Kuching sebelum ini bermula dari 25 Julai 2024.

Ucapan Aluan disampaikan oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengurus Negeri PPWS. Puan Suryah Jinin, Pengurus PPWS Cawangan Limbang/Lawas turut menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak Ibu Pejabat PPWS.



↑ Rombongan daripada PPWS Cawangan Limbang/Lawas yang mengikuti lawatan ke Kuching



↑ Penyampaian plaq oleh Puan Suryah Jinin, Pengurus PPWS Cawangan Limbang/Lawas kepada Puan Hajah Aishah Edris, Pengurus Negeri PPWS



↑ Ahli-ahli PPWS menikmati jamuan minum pagi yang dihidangkan oleh pihak Ibu Pejabat PPWS, Kuching

Seminar Keusahawanan Wanita 2024 17 Ogos 2024 Hotel Sheraton, Kuching

PPWS terlibat dalam mengumpulkan usahawan untuk menyertai pameran serta jualan sempena program anjuran AZAM Sarawak pada kali ini. PPWS turut menghantar peserta untuk hadir dan menimba ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan.

Program AZAM Sarawak pada kali ini menjemput Ms. Ingrid Vanderveldt menyampaikan topik ceramah Women As Leaders: Secret Sauce to Global Business Success.



↑ Booth JKK Keusahawanan PPWS turut terlibat dalam program ini



↑ Ahli-ahli PPWS bersama penceramah jemputan di sudut pameran dan jualan



↑ Penyertaan booth PPWS



↑ Penceramah jemputan iaitu Ms. Ingrid Vanderveldt, Usahawan dari Amerika Syarikat

Program Pemerksaan Pelancongan Gastronomi di Sarawak 24 Ogos 2024 Kampung Bako, Kuching

Puan Hajah Aishah Edris, Pengurus Negeri PPWS dan Puan Hajah Kamariah binti Haji Harmi, Bendahari PPWS telah memenuhi jemputan pihak UiTM Sarawak bersama komuniti ke Program Pemerksaan Pelancongan Gastronomi di Sarawak bertempat di Kampung Bako, Kuching. Dr Azlina Bujang yang juga merupakan Exco PPWS Cawangan Kuching/Samarahan dilantik sebagai Ketua Pertandingan Masakan Gastronomi sempena program ini. Pelancongan gastronomi adalah aktiviti yang berkaitan makanan tempatan dan budaya makanan unik yang menarik pelancong antarabangsa maupun tempatan di negara ini.



↑ Para jemputan yang hadir ke program

Seminar Anti Scam "Jangan Mudah Tertipu" 24 Ogos 2024 Sri Aman, Sarawak



Peserta program bersama Inspektör Zuraidha Bujang, Inspektör Pegawai Penyiasat Jenayah Komersil dari IPD Sri Aman



Puan Hajah Frida Abdul Sani, Pengerusi PPWS Cawangan Sri Aman menyampaikan plag penghargaan kepada penceramah daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraf Hidup (KPDN)

Seminar Anti Scam "Jangan Mudah Tertipu" anjuran PPWS Sri Aman telah diadakan pada hari ini bertempat di Daerah Sri Aman. Program ini telah menjemput wakil penceramah daripada Bank Negara Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Sri Aman dan Ibu Pejabat Polis Daerah Sri Aman.

Program ini memberi pendedahan kepada wanita khususnya akan jenayah scam kewangan, penipuan dan scam jualan barang atas talian dan penerangan berkaitan usaha PDRM membanteras jenayah scam.



Pegawai dari Bank Negara Malaysia turut hadir menyampaikan ceramah berkenaan scam kewangan

Lawatan Pengerusi Negeri PPWS Ke Bintulu 30 Ogos - 1 September 2024

Lawatan Pengerusi Negeri PPWS ke PPWS Daerah Bintulu/Tatau selama 3 hari bermula 30 Ogos 2024 menghadiri Majlis Jamuan Teh Sempena Hari Kemerdekaan 2024. Selain itu, perjumpaan bersama AJK PPWS Daerah Bintulu turut diadakan. Pengerusi Negeri PPWS juga melawat perusahaan ahli PPWS, Puan Razuna Kiprawi sebelum beliau bertolak balik ke Kuching.



Lawatan Pengerusi Negeri PPWS ke Perusahaan ahli PPWS iaitu Puan Razuna Kiprawi



Ucapan Perasmian oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS semasa Majlis Jamuan The Hari PPWS dan Hari Kebangsaan 2024

Kursus Pengurusan PPWS

Kursus Pengurusan PPWS ini diadakan untuk memastikan Jawatankuasa PPWS di semua peringkat akan dapat mengaplikasi Pengurusan PPWS dengan lebih cekap. Penerangan berkenaan Integriti dan Kepimpinan disampaikan oleh Pengerusi Negeri, Puan Hajah Aishah Edris. Topik ini disediakan agar Jawatankuasa PPWS dapat melaksanakan pengurusan PPWS dengan penuh integriti, berkepimpinan serta semangat kesukarelaan. Penerangan berkenaan pengurusan PPWS disampaikan oleh wakil Exco PPWS masing-masing agar ahli-ahli PPWS yang hadir dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mentadbir urus PPWS.

29 Mei 2024
PPWS Cawangan Limbang/Lawas



2 Mac 2024
PPWS Cawangan Miri/Bintulu



25 Februari 2024
PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit



17 Februari 2024
PPWS Cawangan Sri Aman



4 Februari 2024
PPWS Cawangan Kuching/Samarahan



Majlis Makan Malam Gala Sempena Ulang Tahun ke-75 Anjuran Majlis Kebajikan Sosial Sarawak (SWCS) 5 Oktober 2024 Hotel Imperial, Kuching



Jawatankuasa Induk PPWS yang hadir ke majlis makan malam tersebut yang bertemakan "Unity Through Diversity"



Booth PPWS juga dibuka untuk mendaftar ahli baru PPWS dan menjual buku terbitan PPWS (Dari kiri: Norokiah Samsudin, YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Mohd. Dol Sulaiman)



Ketua-Ketua NGO bergambar bersama tetamu kehormat, Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak

Program Matahari dan Iris Negeri Sarawak 2024

7 Oktober 2024

Dewan Hikmah, Kuching

Program Matahari dan Iris Negeri Sarawak 2024 anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) telah diadakan dengan jayanya hari ini dengan kehadiran seramai 300 orang peserta termasuk penceramah, bempamer dan usahawan. Majlis disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datin Izzatul Shima binti Md Tahir, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Turut menyampaikan ucapan aluan ialah Yang Berusaha Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS.

Bagi menjamin survival wanita semasa berdepan pengalaman buruk, program Meningkatkan Daya Tahan dan Psikologi Wanita (MATAHARI) dan Literasi Perundungan dan Hak Wanita (IRIS) telah diperkenalkan. Oleh kerana itulah, nama program yang kita telah sertai ini dinamakan sebagai Program Matahari dan Iris. Program MATAHARI merupakan program yang menumpukan kepada usaha-usaha meningkatkan kesejahteraan kendiri wanita melalui aspek psikologi dan pemikiran positif. Program ini juga akan memberi fokus untuk meningkatkan kemahiran daya tahan dan penyesuaian diri kepada sebarang perubahan.

Program IRIS pula dibangunkan bagi menyampaikan pengetahuan asas mengenai hak individu dari aspek perundungan untuk menangani isu keganasan dan diskriminasi terhadap wanita dalam masyarakat. Program IRIS berperanan memperkasa komuniti untuk bertindak dan memberi sokongan serta menyebarkan maklumat mengenai bantuan dan sokongan yang tersedia. PPWS menyeru agar golongan wanita yang memerlukan bantuan awal berkaitan pembangunan psikososial dan literasi undang-undang untuk bersifat terbuka dan tampil mendapatkan bantuan segera dan berkongsi permasalahan kerana mereka tidak keseorangan. Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam sehari telah disediakan oleh KPWKM untuk mereka yang berkenaan mendapatkan bantuan berkaitan yang diperlukan.



↑ Tetamu Kehormat bersama peserta, penceramah dan bempamer program



↑ Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS menyampaikan cenderamata kepada Yang Berbahagia Datin Izzatul Shima binti Md Tahir, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)



↑ Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS menyampaikan Ucapan Aluan dalam program tersebut



↑ Meja pameran PPWS semasa program tersebut
(Dari Kiri: Norokiah Samsudin, Tini ak Jawi, Hajah Hamdiah Haji Mat, Siti Aishah Rohibah)



↑ Puan Hajah Kamariah Haji Hartmi, Bendahari PPWS mewakili Ibu Pejabat PPWS menerima plaq penghargaan daripada JPW sebagai bempamer



↑ Puan Hajah Hamdiah Haji Mat, Pengerusi JKK Keusahawanan menerima plaq penghargaan daripada JPW sebagai bempamer

Lawatan Keusahawanan PPWS

9 Oktober 2024

JKK Keusahawanan PPWS yang dipengerusikan oleh Puan Hajah Hamdiah Mat telah mengadakan lawatan ke beberapa tempat seperti ke Perusahaan Sambal & Ikan Terubok, PPES Ternak Sdn Bhd dan Kebun Buah Fig.



↑ Lawatan ke Kilang Corned Beef Sara-Bif milik PPES Ternak Sdn. Bhd. di Siburan



↑ Lawatan ke Kebun Fig milik Encik Adenan Bukra di Kampung Kuap



↑ Puan Hajah Hamdiah Haji Mat, Pengerusi JKK Keusahawanan (hujung paling kanan) bersama peserta lawatan menunjukkan buah fig yang masih tumbuh di pokok



↑ Rombongan lawatan bergambar bersama pemilik Produk Wateeys di Kampung Haji Bak

Program Medical Camp

12 Oktober 2024

Cityone Mall, Kuching

PPWS turut serta dalam pameran sempena Program Medical Camp anjuran Persatuan Pembangunan Insan Sarawak dan Lions Club of Kuching Unit.



↑ Kakitangan PPWS yang bertugas untuk pameran tersebut ialah Puan Siti Aishah, Pengelola PPWS Cawangan Kuching/Samarahan dan Puan Norokiah Samsudin



↑ Program menderma darah juga diadakan dan mendapat sambutan ramai

Bengkel Sumbang Saran Penyelidikan IIC - MIS 17 Oktober 2024 Hotel Waterfront, Kuching

PPWS telah menyertai Bengkel Sumbang Saran Penyelidikan Sarawak Islamic Information Centre (IIC) - Majlis Islam Sarawak (MIS) yang dianjurkan oleh Sarawak Islamic Information Center untuk mengenal pasti isu semasa dalam bidang utama iaitu agama, sosial dan ekonomi. PPWS dijemput untuk memberi sumbangsaran berkenaan bidang sosial.

Hasil daripada bengkel ini nanti akan membantu dalam pelaksanaan penyelidikan IIC-MIS yang boleh dijadikan asas bagi perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti yang berimpak tinggi kepada masyarakat.



↑ Kumpulan yang membincangkan isu sosial dan penyeritaan PPWS diwakili oleh Puan Hajah Aishah, Pengurus Negeri PPWS



↑ Keseluruhan peserta yang hadir dalam bengkel ini

Lawatan Rombongan Perkumpulan Kampung Petanak, Mukah Ke Bangunan Ibu Pejabat PPWS 19 Oktober 2024 Ibu Pejabat PPWS, Kuching

Seramai tiga puluh (30) orang rombongan Perkumpulan Kampung Petanak, Mukah tiba di Bangunan Ibu Pejabat PPWS, Kuching dengan disambut oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengurus Negeri PPWS, Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati Mohd Ismail, Timbalan Pengurus Negeri PPWS, Puan Hajah Suriani Rapapiee, Exco PPWS Cawangan Kuching/Samarahan. Selain itu, ahli-ahli dari PPWS Daerah Kuching turut sama menyambut rombongan dan mengambil peluang ini untuk beramah mesra.



↑ Gambar kenangan bersama semua rombongan dan pihak Ibu Pejabat PPWS, Kuching



↑ Demonstrasi masakan keluban juga telah ditunjuk ajar oleh wakil Perkumpulan Matang

RESEPI KELUBAN / KERABU JAWA

Bahan - bahan Rempah:

1. Kelapa Parut (Yang Putih)
2. Cekur *
3. Bawang Putih*
4. Bawang Merah*
5. Cili Padi* (Sesuai dengan citarasa lebih pedas / tidak)
6. Belacan*
7. Gula Putih
8. Gula Apong
9. Asam Jawa
10. Garam
11. Ajinomoto

Cara-cara Penyediaan:

1. Tumbuk / kisar bahan-bahan yang bertanda (*) sehingga halus atau hancur.
2. Dalam bekas lain satukan kelapa parut, asam jawa, gula apong, gula putih, garam dan ajinomoto. (gaul semua bahan sehingga sebatik)
3. Masakkan bahan-bahan di atas menggunakan api yang sederhana, masak hingga warna kekuningan dan boleh di angkat.
4. Setelah masak boleh dihidangkan bersama dengan sayur-sayur yang telah direbus.

Bahan-bahan Sayuran:

1. Pucuk Ubi (daun bandung bahan utama)
2. Kacang Panjang
3. Daun Cantik Manis (Daun soreng)
4. Kacang Ceper
5. Timun
6. Tauge

*Boleh guna sayuran lain mengikut citarasa masing-masing



↑ Ucapan aluan disampaikan oleh Puan Hamidah Mohamad, Pengurus PPWS Daerah Kuching



↑ Cenderamata daripada Perkumpulan Kampung Petanak, Mukah yang disampaikan oleh Puan Kamsiah Drasing, Pengurus Perkumpulan kepada Puan Hajah Aishah Edris, Pengurus Negeri PPWS

Program Hari Terbuka Penyelidikan: Service Learning Bersama Komuniti 22 Oktober 2024 UNIMAS, Kota Samarahan

PPWS dijemput untuk menghadiri Program Hari Terbuka Penyelidikan: Service Learning Bersama Komuniti anjuran Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, UNIMAS yang diadakan pada pagi ini bertempat di UNIMAS, Kota Samarahan. Tujuan utama program adalah untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara universiti dan komuniti selaras dengan pelaksanaan Service Learning oleh UNIMAS sejak tahun 2016. Fakulti ini telah bekerjasama dengan PPWS dalam pelaksanaan Program Service Learning mereka sejak tahun 2018. Antara bengkel yang pernah diadakan ialah Basic IT Training For Rural Women, Bengkel Pelabelan Produk Secara Digital, Bengkel Pembangunan Kandungan Produk Menggunakan Video dan Bengkel Pemasaran Produk Secara Digital. Pada Program Hari Terbuka Fakulti pada hari ini, YBhg. Dato Hajah Norhyati Mohd Ismail, Timbalan Pengurus Negeri PPWS dijemput sebagai salah seorang panel dalam dialog komuniti di bawah topik Manfaat Service Learning Kepada Masyarakat Dari Perspektif ICT.



YBhg. Dato Hajah Norhyati Mohd Ismail, Timbalan Pengurus Negeri PPWS sedang memberi penerangan dalam dialog komuniti



Ahli dan kakitangan PPWS yang memberi sokongan hadir ke program ini

Program Jelajah Agenda Nasional Malaysia (ANMS) Dan Madani Afiat Peringkat Negeri Sarawak 2024 16 November 2024 Dataran Perayaan Petra Jaya, Kuching



Penyertaan booth PPWS



Lawatan ke booth PPWS oleh Dr Rohani Mat Bah, Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (Kesihatan Awam). Beliau sedang mengisi Buku Pelawat sambil diperhatikan oleh Puan Hajah Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS (kiri)

Program Kunjungan Kasih 25 November 2024 Kuching, Sarawak



Kunjungan Kasih kepada Puan Dayang Misbah Abang Anuar, ahli veteran PPWS di kediaman rumah beliau. Cenderamata buah-buahan diserahkan oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengurus Negeri PPWS (kanan) kepada Puan Dayang Misbah Abang Anuar.



Kunjungan Kasih Jawatankuasa Induk PPWS dan JKK Keusahawanan PPWS kepada Puan Hajah Ramlah Hajji Ismuni, mantan Exco PPWS di kediaman rumah beliau

Majlis Ramah Mesra Ahli Bakat Darat, Kem Muara Tuang 28 November 2024 Kem Muara Tuang, Kuching

PPWS telah dijemput menghadiri Majlis Ramah Mesra Ahli Bakat Darat, Kem Muara Tuang bersama Ketua-Ketua NGO Wanita Sarawak, Ahli SABATI dan Ahli MAKSAK Sarawak. Program bertempat di Dewan Banquet, Wisma Perwira Sri Kenyalang, Kem Muara Tuang.

Wakil PPWS ialah Puan Hajah Aishah Edris, Pengurus Negeri PPWS dan Puan Hasmah Sauni, Pengurus PPWS Cawangan Kuching/Samarahan.

Program ini dianjurkan oleh BAKAT Naungan Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Sarawak sempena sambutan 10 tahun pemerintahan Medan Timur Tentera Darat.

Sebelah paginya telah berlangsungnya acara menembak pistol.



Car Boot Sales 30 November 2024 Perkarangan Ibu Pejabat PPWS, Kuching



Penyertaan booth 1



Penyertaan booth 2



Penyertaan booth 3



Penyertaan booth 4



Penyertaan booth 5

Program "Lan Kita Masak...Aoklah!" 30 November 2024 Ruang Aktiviti, Ibu Pejabat PPWS, Kuching

Kelas Masakan Satay Havana dan Bingka Kuala Lumpur telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Kecil Keusahawanan dan disertai seramai lebih kurang dua puluh (20) orang peserta.

Masakan telah ditunjuk ajar oleh Puan Hajah Robiah Haji Dris, Ahli Jawatankuasa Kecil Keusahawanan merangkap Pengurusi Perkumpulan Perguwani.



Peserta masakan masing-masing sedang cuba menyucuk daging ayam ke kayu sate



Puan Hajah Robiah Haji Dris sedang memberi penerangan

Majlis Penghargaan 2024 3 Disember 2024 Hotel Raia, Kuching

PPWS telah menghadiri jemputan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Keajahteraan Komuniti (KPWK) sempena Majlis Penghargaan 2024 yang telah diadakan pada malam ini di Raia Hotel, Kuching.

Hadir mewakili PPWS ialah Puan Hajah Aishah Edris, Pengerusi Negeri PPWS dan Puan Hasmah Sauni Samat, Pengerusi PPWS Cawangan Kuching/Samarahan.

Turut diraikan dalam Majlis Penghargaan ini ialah Puan Hajah Kamariah Haji Harmi yang baru bersara daripada Kementerian ini. Beliau juga merupakan Bendahari Induk PPWS.



Tetamu yang hadir dari NGO wanita lain



Puan Hajah Aishah Edris (kiri) dan Puan Hasmah Sauni (kanan) bersama Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

Program Smart Parenting 11 Disember 2024 Borneo Convention Centre Kuching (BCCK), Kuching

PPWS telah menghantar sepuluh (10) orang wakil ke Program Smart Parenting anjuran Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak (JWKS) yang diadakan pada hari ini, di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK). Antara topik yang disampaikan ialah Smart Parenting, Cabaran Mendidik Anak Di Zaman Kini dan Keseimbangan Antara Kerjaya dan Keluarga.



Ceramah disampaikan oleh Tuan Haji Hushim Haji Salleh, salah seorang pakar motivasi dan kaunselor yang terkenal di Malaysia



Semuanya bergambar beramai-ramai sebelum program selesai

BULETIN PPWS CAWANGAN KUCHING/SAMARAHAN

Membuat Rantai Daripada Manik 20 Januari 2024



PPWS Perkumpulan Serian By-Pass mengadakan program membuat rantai daripada manik. Mereka mempelajari koleksi manik yang telah menampilkan pelbagai rekaan bermotifkan identiti pelbagai etnik. Program ini menggalakkan golongan wanita mempelajari kemahiran untuk menceburi bidang keusahawanan berdasarkan kraftangan.



Bengkel Pengurusan PPWS dan Mesyuarat Perjumpaan Tahunan Peringkat Cawangan Kuching/Samarahan 3-4 Februari 2024

Ibu Pejabat PPWS mengadakan Kursus Pengurusan PPWS di lima (5) Cawangan di Seluruh Negeri Sarawak. Tujuan kursus ini diadakan untuk memahirkan lagi ahli-ahli PPWS kepada Perlembagaan dan Pengurusan PPWS. Kursus ini diadakan selama dua (2) hari dan dihadiri seramai 40 orang ahli daripada tujuh (7) Daerah di bawah PPWS Cawangan Kuching/Samarahan. Mesyuarat Perjumpaan Tahunan Peringkat Cawangan diadakan pada sebelah petang 4 Februari 2024. Antara agenda yang dibentangkan ialah Program ACWW Women Walk The World 2024 anjuran PPWS Daerah Kuching selain membincangkan perancangan aktiviti, isu dan cabaran yang dihadapi oleh setiap Daerah PPWS.



Majlis Makan Malam Bersama Exco PPWS Cawangan Kuching/Samarahan 3 Februari 2024



Majlis Makan Malam Bersama Exco PPWS Cawangan Kuching/Samarahan iaitu Puan Hajah Suriani Haji Rapapiee dan Yang Berbahagia Dr Azlina Bujang diadakan bagi mengeratkan silaturrahim antara Exco dan Ahli Jawatankuasa Cawangan.

Singkawang Tour 2024 21 Februari 2024

PPWS Kampung Semunin Jaya, Lundu mengadakan Program Lawatan ke Singkawang, Kalimantan Barat disertai 17 orang ahli PPWS.



Program Senamerobik 2 Mac 2024

Senamerobik adalah aktiviti aerobik yang baik dan boleh dilakukan secara berterusan untuk meningkatkan kesihatan kardiovaskular. Tahniah kepada PPWS Daerah Simunjan atas penganjuran program ini.



Gotong-Royong Memasak Lemang 2 Mac 2024

Perkumpulan Kampung Jenan, Serian telah mengadakan gotong-royong memasak lemang. Tujuan program ini diadakan untuk mengeratkan tali silaturrahim antara semua ahli.



Program Memasak Bubur Lambuk 25 Februari 2024

Aktiviti memasak bubur lambuk diadakan bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim serta memupuk semangat kerjasama dalam kalangan ahli PPWS. Program ini adalah salah satu aktiviti yang dijalankan oleh PPWS Perkumpulan Sri Arjuna, Kuching setiap tahun. Bubur lambuk yang dimasak diagihkan kepada penduduk kampung berdekatan.



Majlis Makan Malam “Sanjungan Budi Wanita PPWS Daerah Simunjan” 2 Mac 2024

Majlis Makan Malam “Sanjungan Budi Wanita PPWS Daerah Simunjan” bertujuan memberi cenderamata sebagai mengenang jasa dan sumbangan kepada Mantan Pengerusi PPWS Daerah Simunjan dan enam (6) orang ahli PPWS Simunjan.



Program Sepanjang Bulan Ramadan

Bagi menghayati kemuliaan bulan Ramadan, dua (2) Daerah PPWS telah melaksanakan penyerahan sumbangan keperluan asas dan pengagihan bubur lambuk kepada ahli-ahli PPWS yang kurang berkemampuan.



Gambar Kiri & Kanan: PPWS Daerah Simunjan



Gambar Kiri & Kanan: PPWS Daerah Lundy/Sematan

Belajar Membuat Kuih Cina (Choi Pan) 20 April 2024

Perkumpulan Tarat Sibala, Serian telah mengadakan aktiviti membuat kuih cina 'choi pan' yang dihadiri seramai 22 orang ahli. Kuih 'choi pan' merupakan istilah bahasa Hakka yang bererti kuih yang berisi sayuran. Kuih ini semakin popular dan cara membuatnya juga mudah.



Program 'ACWW Women Walk The World' 2024 4 Mei 2024



Program 'ACWW Women Walk The World' adalah program tahunan PPWS Cawangan Kuching/Samarahan yang dianjurkan oleh Daerah terpilih di bawah Cawangan Kuching/Samarahan mengikut giliran. Pada tahun 2024, PPWS Daerah Kuching dengan jayanya telah mengadakan program ini dan dirasmikan oleh Puan Hajah Aishah Edris, Pengurus Negeri PPWS. Pada sebelah malamnya, Majlis Makan Malam Bersempena Program "ACWW Women Walk The World" telah dihadiri seramai 270 orang bertempat di Puteri Wing, Riverside Majestic Hotel, Kuching dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Haji Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



Kursus Kemahiran Membuat Hamper Buah dan Makanan 19 Mei 2024

PPWS Perkumpulan Kampung Semunin Jaya, Lundu bersama komuniti kampung mengadakan kelas kemahiran membuat hamper buah dan makanan. Manfaat yang diperoleh ahli daripada kursus ini ialah dapat membantu mereka menjana pendapatan.



Kelas Membuat Mini Burnt Cheese Cake 27 Mei 2024

Perkumpulan Matang telah mengadakan program ini di Pustaka Negeri Sarawak.



Jalinan Kasih Bersama HRD Corp dan PPWS 25 Mei 2024

Aktiviti yang diadakan semasa program Jalinan Kasih Bersama HRD Corp dan PPWS antaranya Senaman Tai Chi, ceramah "Reframing Growth Mindset", Ceramah Kesihatan Mental bertajuk Minda Sihat, Emosi Terjaga dan Kelas Jahitan DIY-Alas Meja. Program ini dihadiri seramai 40 orang ahli dari PPWS Daerah Kuching bertempat di Pusat Sokongan Sosial Komuniti (CSSC), Kuching.



Kelas Membuat Roti 28 Mei 2024

Perkumpulan Matang telah mengadakan Kelas Membuat Roti. Peserta berpeluang mempelajari penggunaan peralatan dan bahan bakeri selain teknik pembuatan roti. Kelas ini telah diadakan di Pustaka Negeri Sarawak.



Sumbangan Gawai 28 Mei 2024

PPWS Daerah Simunjan telah memberi sumbangan keperluan asas kepada beberapa orang ahli PPWS sempena perayaan Hari Gawai. Sumbangan sebegini dapat meringankan beban penerima bagi membuat persiapan menyambut perayaan gawai.



Jelajah NTW 2024 Sarawak 30 Mei 2024

HRD Corp telah menganjurkan Minggu Latihan Kebangsaan (NTW) 2024 dan selaras dengan inisiatif itu, HRD Corp Wilayah Sarawak telah menjemput semua rakan kongsi, kolaborator & pemegang kepentingan NTW 2024 di Sarawak untuk sama-sama menyertai Jelajah NTW 2024 Sarawak. PPWS adalah salah satu NGO yang dijemput pada program ini dan telah dihadiri oleh Puan Hasmah Sauni Samat, Pengurus Cawangan PPWS dan Puan Zuriana Razali, Setiausaha Cawangan PPWS.



Kelas Membuat Biskut Cornflakes dan Biskut Milo 5 Jun 2024

Perkumpulan Green, Kuching telah mengadakan mesyuarat dan aktiviti bertempat di kediaman salah seorang ahli, Puan Maskolia Maslatip. Seramai 25 orang ahli menyertai kelas membuat biskut cornflakes dan biskut milo.



Ceramah Tingkatkan Julalan Dalam Talian & Bengkel Media Sosial yang Menarik untuk Pemilik Perniagaan SME 8 Jun 2024



Ceramah Tingkatkan Julalan Dalam Talian dan Bengkel Media Sosial Yang Menarik Untuk Pemilik Perniagaan SME telah disampaikan oleh Cik Adelina Adna, Pakar Kreatif dan Penjenamaan dari Go Digital Media, Startup Malaysia di Bilik Seminar Ibu Pejabat PPWS. Banyak manfaat

yang diperolehi oleh tiga puluh (30) orang ahli PPWS Daerah Kuching dalam bengkel ini mengenai perniagaan dalam talian.



Kunjungan Kasih 13 Jun 2024

Program Kunjungan Kasih di Rumah Seri Kenangan, Batu 12 telah dijalankan dengan jayanya oleh PPWS Perkumpulan Matang. Objektif program ini bagi menyantuni warga emas di Rumah Seri Kenangan selain memberi sumbangan kepada mereka. Seramai 27 orang ahli PPWS mengikuti program tersebut dan agihan sumbangan diterima daripada ahli-ahli PPWS Perkumpulan Matang.

Rumah Seri Kenangan ini diwujudkan untuk membantu warga emas yang tidak mempunyai waris dapat hidup dalam keadaan yang sejahtera serta mempunyai penjagaan, perlindungan dan rawatan yang sempurna. Kehidupan di Institusi memberikan jaringan sosial kepada warga emas untuk berinteraksi sesama rakan sebaya.



Lawatan ke Pangkalan Kuap Figs & Grapevine Garden 4 Julai 2024

PPWS Perkumpulan Matang mengadakan Lawatan ke Pangkalan Kuap Figs & Grapevine Garden. Di sini, ahli-ahli berpeluang merasai sendiri keenakan buah di kebun tersebut.



Lawatan Jalinan Kasih Bersama PPWS Daerah Simunjan 13 Julai 2024

PPWS Perkumpulan Sri Kandi, Kuching mengadakan Lawatan Jalinan Kasih Bersama PPWS Daerah Simunjan bertempat di Bangunan PPWS Daerah Simunjan. Ahli PPWS Daerah Simunjan menunjukkan demonstrasi membuat roti dan bun sebagai perkongsian ilmu.



Zumba 13 Julai 2024

Zumba adalah salah satu aktiviti yang kerap diadakan oleh PPWS Perkumpulan Kampung Murud Plaman, Serian.



Program Penanda Aras PPWS Cawangan Limbang/Lawas Bersama PPWS Daerah Bau 27 Julai 2024



PPWS Daerah Bau menunjukkan demonstrasi penamanan orkid atau anggerik. Orkid merupakan salah satu tanaman hiasan yang amat popular dan mempunyai warna bunga yang pelbagai.

Kelas Membuat Penyaram dan Tumpik Lemantak 3 Ogos 2024

Perkumpulan Stunggang Melayu mengadakan kelas membuat penyaram dan tumpik lemantak bersama ahli-ahli mereka. Untuk makluman, Kuih Penyaram merupakan sejenis kuih yang dihasilkan dari tepung beras, diuli bersama gula sebelum diacu dan digoreng. Tumpik lemantak pula diperbuat daripada bahan-bahan segar seperti tepung sago, tepung kanji dan kelapa parut.



Program Penanda Aras PPWS Cawangan Limbang/Lawas Bersama PPWS Daerah Kuching 28 Julai 2024



PPWS Daerah Kuching menjemput Perkumpulan Matang membuat Demonstarsi Kek Lapis Roll. Kek lapis sarawak adalah sejenis kek lapis yang tidak asing lagi dihidangkan di Sarawak. Ahli-ahli juga berpeluang membuat sendiri Kek Lapis Roll semasa program ini.

Sukaneka PPWS 10 Ogos 2024

PPWS Daerah Lundu/Sematan telah mengadakan aktiviti sukaneka ini di Pantai Pugu. Aktiviti ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan sesama mereka.



Program Team Building PPWS 2024 7 September 2024

PPWS Cawangan Kuching/Samarahan telah mengadakan Program Team Building di Sumiran Eco Park & Resort. Seramai 50 orang ahli menyertai program ini. Program ini diadakan untuk meningkatkan kerjasama antara Ahli Jawatankuasa PPWS.

Program Jasamu Dikenang

PPWS Cawangan Kuching/Samarahan telah mengadakan Program Jasamu Dikenang. Program ini bertujuan mengenang jasa dan sumbangan ahli PPWS di tujuh (7) buah Daerah di bawah Cawangan Kuching/Samarahan. Seramai empat belas (14) orang penerima menerima cenderamata.

19 Oktober 2024
PPWS Daerah Bau



Penerima yang terpilih ialah Puan Rokia Lamat dan Puan Radiah Hassan

23 Oktober 2024
PPWS Daerah Kota Samarahan



Penerima yang terpilih ialah Puan Tayong Kerni dan Puan Nasiban Khan

23 Oktober 2024
PPWS Daerah Simunjan



Penerima yang terpilih ialah Puan Saaniah Kahar dan Puan Dayang Jemilah Awang Hassan

23 Oktober 2024
PPWS Daerah Sebuyau



Penerima yang terpilih ialah Puan Julia Ahmad dan Puan Normala Julaihi

26 Oktober 2024
PPWS Daerah Serian



Penerima yang terpilih ialah Puan Rinyes Nyawed dan Puan Cecelia Siti Enchana

30 Oktober 2024
PPWS Daerah Kuching



Penerima yang terpilih ialah Puan Dayang Misbah Abang Annuar dan Puan Betty Muhammad

Kelas Membuat Mochi 17 November 2024



Mochi merupakan sejenis kuih Jepun yang biasanya dihidang sewaktu sambutan Perayaan Tradisional Mochitsuki atau sambutan Tahun Baru Jepun. Kuih ini diperbuat daripada beras, ditumbuk sehingga lembut dan likat. Kemudian dibentuk menjadi bulat. PPWS Daerah Lundu/Sematan melibatkan ahlinya untuk mempelajari kuih mochi ini.

Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Sesi 2025-2026 Disember 2024

Sepanjang bulan Disember 2024, tujuh (7) buah Daerah di bawah PPWS Cawangan Kuching/Samarahan telah mengadakan Mesyuarat Perwakilan PPWS Peringkat Daerah bagi memilih Jawatankuasa Baru Bagi Sesi 2025-2026 selain membincangkan agenda berkaitan takwim aktiviti dan kewangan.



PPWS Daerah Kota Samarahan



PPWS Daerah Sebuyau



PPWS Daerah Simunjan



PPWS Daerah Bau



PPWS Daerah Kuching



PPWS Daerah Serian



PPWS Daerah Lundu / Sematan

BULETIN PPWS CAWANGAN SRI AMAN

Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS



Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Daerah Sri Aman pada 20 Januari 2024 diadakan di Bilik Mesyuarat Bangunan PPWS Cawangan Sri Aman. Seramai 30 ahli PPWS Daerah Sri Aman telah menghadiri mesyuarat tersebut termasuk Pengurus Cawangan Sri Aman, Hajah Frida Binti Abdul Sani.



Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Daerah Saratok pada 28 Januari 2024 diadakan di Surau Kampung Melango Saratok. Seramai 30 ahli PPWS Daerah Saratok yang telah menghadiri mesyuarat tersebut.



Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS Cawangan Sri Aman pada 18 Februari 2024 diadakan di Bilik Mesyuarat Bangunan PPWS Cawangan Sri Aman. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Puan Hjh Frida Bt Abdul Sani, Pengurus Cawangan Sri Aman Sesi 2023-2024 dan dua EXCO PPWS Sri Aman iaitu Puan Hjh Hamdiah Haji Mat dan Puan Masnah Haji Ramli.

Program Gotong Royong



24 Januari 2024

Perkumpulan Sungai Suak A Meludam bersotong royong membersihkan dewan.



11 Februari 2024

Program Gotong Royong Perkumpulan Kampung Tengah Betong bersama JKKK Kampung Tengah, JK Surau, Biro Wanita dan Bomba Betong membersihkan kawasan sekitar Kampung Tengah.



2 Mac 2024

Perkumpulan Kampung Melayu Roban mengikuti Program Gotong Royong membersihkan masjid di Kampung Melayu Roban. Program ini dianjur oleh Lembaga Masjid dan JKKK Kampung Melayu Roban. Seramai 30 orang ahli telah terlibat dengan program tersebut.



21 Mac 2024

Program gotong royong membersihkan rumah PPWS Perkumpulan Sungai Daun Meludam. Seramai 23 orang ahli PPWS yang terlibat.



23 Jun 2024

Perkumpulan Kampung Sessang telah mengadakan Program Gotong Royong madani bersama KM Madani dan Jawatankuasa Masjid Ar Rahman Kampung Sessang.

Lawatan Muhibbah



27-28 Januari 2024

Program lawatan Perkumpulan Kampung Pangkat ke Perkumpulan Kabong. Pelbagai aktiviti telah diadakan termasuk demonstrasi membuat penyaram



28 Julai 2024

Program lawatan anjuran Perkumpulan Pasir Panas ke sekitar Kuching

Kursus Pengurusan PPWS 2024 17 Februari 2024



Program Hi Tea PPWS Daerah Sri Aman bersama Perkumpulan Kampung Pangkat sempena menyambut kedatangan Jawatankuasa Negeri Ke Mesyuarat Tahunan PPWS Cawangan Sri Aman Tahun 2024. Rombongan Jawatankuasa Negeri diketuai oleh Puan Norjanah Razali, Naib Pengurus Negeri Sesi 2023-2024



Kursus Pengurusan PPWS 2024 telah diadakan di Pejabat PPWS Sri Aman selama dua hari. Kursus ini dihadiri oleh wakil PPWS dari peringkat Perkumpulan, Jawatankuasa Daerah dan Jawatankuasa Cawangan

Taklimat Pengurusan Pertubuhan, Penguatkuasaan dan Pematuhan Akta Pertubuhan 1966 27 Februari 2024



Majlis Makan Malam Santai Sempena Perjumpaan Mesyuarat Tahunan PPWS Cawangan Sri Aman Tahun 2024. Majlis diserikan lagi dengan acara memotong kek, cabutan berfuah dan sesi karaoke.



Jawatankuasa PPWS Cawangan dan Daerah Sri Aman telah mengikuti Taklimat Pengurusan Pertubuhan, Penguatkuasaan dan Pematuhan Akta Pertubuhan 1966 anjuran Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Sarawak di Hotel Seri Simganggang.



Program Short Circle Training 6-7 Mac 2024

